

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. S 88

**AKTA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
(PENGAL 149)**

PERATURAN-PERATURAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, 2013

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

TEMPOH PERKHIDMATAN

3. Tempoh perkhidmatan.

BAHAGIAN III

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN

Penggal I

Am

4. Standard kesihatan.
5. Kehendak kemasukan.
6. Standard tentera.
7. Pangkat dalam Angkatan Bersenjata.
8. Kekanagan.
9. Keutamaan.

10. Lantikan.
11. Kenaikan pangkat.
12. Tanggungan untuk berkhidmat di luar negeri.
13. Kursus latihan.
14. Orang yang dibuang kerja atau diberhentikan kerja dengan hina tidak boleh menjadi pegawai bertauliah atau diambil berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata.

Penggal II

Pegawai

15. Umur minimum untuk menjadi pegawai bertauliah.
16. Kelulusan yang dikehendaki untuk menjadi pegawai bertauliah.
17. Jenis tauliah.
18. Perletakan jawatan.
19. Lanjutan tauliah.

Penggal III

Soldadu

20. Umur maksimum untuk diambil berkhidmat.
21. Rekrut.
22. Perletakan jawatan.

BAHAGIAN IV

GAJI DAN ELAUN

Penggal I

Am

23. Tuntutan kerajaan atau perkhidmatan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

24. Tempoh pelucutan gaji.
25. Menghentikan pembayaran gaji.
26. Gaji teknikal.
27. Elaun kelulusan.
28. Tidak bergaji atau berelaun bagi pangkat tempatan.
29. Bayaran perumahan tidak dikenakan semasa duduk tinggal di mes.
30. Tidak boleh duduk tinggal di rumah persendirian tanpa kebenaran.
31. Rumah kelamin.
32. Bayaran perumahan bagi rumah kelamin.
33. Bayaran elektrik.
34. Elaun tinggal di luar.
35. Pakaian dan keperluan.
36. Elaun seberang laut.
37. Elaun keraian.
38. Elaun penerbangan.
39. Peruntukan gaji.
40. Panggilan berkhidmat semula dari Pasukan Simpanan.
41. Penyiaran.
42. Elaun dan faedah lain.

Penggal II

Pegawai

43. Kadar gaji.
44. Tarikh mula berhak menerima gaji dan elaun.
45. Tauliah kehormat.

46. Gaji apabila dilantik atau dinaikkan pangkat.
47. Pangkat pemangku.
48. Elaun menjaga rumah.

Penggal III

Pegawai kadet dan rekrut

49. Kadar gaji dan elaun bagi pegawai kadet dan rekrut.

Penggal IV

Soldadu

50. Kadar gaji dan elaun bagi soldadu.
51. Perkhidmatan yang diambil kira.
52. Tauliah khas.
53. Klasifikasi gaji.
54. Kadar gaji mengikut pekerjaan.
55. Pengambilan berkhidmat semula.
56. Gaji apabila diturunkan ke pangkat asal atau diturunkan pangkat.
57. Gaji apabila dilantik atau dinaikkan pangkat.
58. Pangkat pemangku.
59. Gaji apabila dibebaskan.
60. Gaji di bawah hukuman diberhentikan kerja.

Penggal V

Gaji semasa tidak hadir bertugas kerana sakit, luka atau cedera

61. Gaji penuh kerana tidak hadir bertugas buat sementara tidak melebihi 18 bulan.
62. Anggota yang tidak layak bertugas hendaklah diberhentikan kerja atau dipindahkan.

63. Rawatan hospital.
64. Penggantungan sementara perkhidmatan.
65. Pengambilan berkhidmat semula anggota yang telah diberhentikan kerja atau digantung sementara dari perkhidmatan.

Penggal VI

Kenderaan dengan perbelanjaan Kerajaan, elaun perjalanan dan sara hidup

66. Perjalanan untuk bertugas.
67. Bila belanja perjalanan dibayar.
68. Elaun sara hidup.
69. Kadar elaun perjalanan.
70. Tuntutan elaun.
71. Elaun sara hidup bagi keluarga.
72. Arahan.
73. Perjalanan cuti.
74. Bertukar stesen.
75. Kematian suami atau isteri anggota.
76. Kematian anggota.
77. Anggota sakit kuat.
78. Anggota sakit di hospital bagi tempoh yang berpanjangan.
79. Menghadiri istiadat pengurniaan.
80. Penamatan perkhidmatan.
81. Anggota simpanan.
82. Rawatan hospital.
83. Peperiksaan.

84. Pengebumian.
85. Mahkamah tentera.
86. Menghadiri mahkamah sivil dan jenayah.
87. Majlis sosial.
88. Skala bagasi yang dihantar dengan perbelanjaan Kerajaan.
89. Kelas perjalanan.

Penggal VII

Catuan dan elaun catuan

90. Hak menerima catuan dan elaun catuan.
91. Hal keadaan bagaimana elaun catuan boleh dikeluarkan.
92. Kadar dan tempoh pengeluaran elaun catuan.
93. Hal keadaan bagaimana elaun catuan tidak boleh dibayar.
94. Elaun catuan di seberang laut.

BAHAGIAN V

PERKECUALIAN

95. Tuntutan terhadap faedah tidaklah sebagai hak jika peraturan-peraturan ini dipinda atau dimansuhkan.

BAHAGIAN VI

PEMBERHENTIAN KERJA DENGAN MENEBUS

96. Pemberhentian kerja dengan menebus.

BAHAGIAN VII

AM

97. Arahan pentadbiran.
98. Pemansuhan S 121/1964.

**AKTA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
(PENGGAL 149)**

PERATURAN-PERATURAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, 2013

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 208(1) dari Akta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, 2013 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Ogos 2011.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“angkat” merujuk kepada mana-mana anak bermakna mana-mana anak yang pengangkatannya telah didaftarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis kuasa pada masa itu di Negara Brunei Darussalam;

“anak” bermakna seorang anak sama ada sah taraf atau tidak sah taraf, anak tiri atau anak angkat, iaitu dalam semua hal seorang anak di bawah had umur kanak-kanak, dan dalam hal seorang anak perempuan, belum berkahwin;

“had umur anak”, berhubung dengan seorang anak, bermakna dalam semua hal umur 17 tahun, kecuali apabila anak itu menerima pengajaran pendidikan sepenuh masa, jika had umur itu boleh dilanjutkan sehingga umur 21 tahun;

“tempoh perkhidmatan wajib” bermakna tempoh perkhidmatan wajib yang ditetapkan dalam peraturan 3(3)(b);

“kecederaan” termasuk luka atau penyakit;

“elaun tinggal di luar” bermakna suatu elaun yang diberikan kepada seseorang anggota yang telah diberikan kebenaran untuk tinggal di luar tempatnya bertugas sebagai satu cara untuk memberi pampasan kepadanya

dengan syarat bahawa tidak ada rumah kelamin yang sesuai tersedia untuknya;

“lembaga perubatan” bermakna suatu lembaga perubatan yang terdiri daripada sebilangan pengamal perubatan berdaftar dan orang lain yang dilantik oleh pihak berkuasa yang layak;

“pegawai perubatan” bermakna mana-mana pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi (Penggal 112);

“bulan” bermakna suatu bulan kalendar; bagi tujuan menjumlahkan tempoh-tempoh terputus, setiap tempoh terputus akan dikira dalam bulan kalendar genap, mana-mana hari ganjil ditukar berdasarkan 30 hari sebagai satu bulan, 61 hari sebagai 2 bulan, 91 hari sebagai 3 bulan dll;

“profesional” bermakna seseorang pegawai yang mempunyai kelulusan profesional atau bersamaan dengannya sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak;

“saudara” bermakna suami, isteri, bapa, ibu, bapa tiri, ibu tiri, bapa mertua, adik lelaki atau abang, adik perempuan atau kakak, adik lelaki tiri atau abang tiri, adik perempuan tiri atau kakak tiri, adik ipar lelaki atau abang ipar, adik ipar perempuan atau kakak ipar, anak lelaki, anak perempuan, bapa saudara, ibu saudara, anak saudara lelaki dan anak saudara perempuan;

“perkhidmatan” bermakna perkhidmatan sebagai seorang anggota dengan Angkatan Bersenjata;

“suami atau isteri” bermakna seseorang anggota, yang perkahwinannya telah didaftarkan menurut sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa pada masa itu di Negara Brunei Darussalam atau diiktiraf sebagai perkahwinan yang sah oleh pihak berkuasa yang layak, dan termasuk suami atau isteri anggota itu yang masih hidup;

“pasukan” bermakna mana-mana bahagian bebas dalam Angkatan Bersenjata yang tidak tinggi dalam organisasi daripada satu batalion atau yang bersamaan dengannya, atau mana-mana kumpulan pasukan tentera yang bersamaan.

BAHAGIAN II

TEMPOH PERKHIDMATAN

Tempoh perkhidmatan.

3. (1) Tempoh perkhidmatan seseorang pegawai kadet yang diambil berkhidmat sebelum 1hb Ogos 2011 adalah 25 tahun dan boleh dilanjutkan lagi bagi tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Tempoh perkhidmatan seseorang soldadu yang diambil berkhidmat sebelum 1hb Ogos 2011 adalah 20 tahun, iaitu empat tempoh perkhidmatan setiap satu perkhidmatan bagi tempoh 5 tahun, dan dengan kebenaran pihak berkuasa yang layak boleh dilanjutkan lagi bagi tempoh 5 tahun, yang bermakna tempoh perkhidmatan yang kesemuanya berjumlah 25 tahun:

Dengan syarat bahawa soldadu itu boleh memilih tempoh perkhidmatan bagi jumlah tempoh 26 tahun perkhidmatan atau suatu tempoh yang boleh dilanjutkan oleh pihak berkuasa yang layak.

(3) (a) Tempoh perkhidmatan seseorang anggota yang diambil berkhidmat, pada atau selepas 1hb Ogos 2011 adalah —

(i) dalam hal seseorang pegawai, 30 tahun atau sehingga dia mencapai umur 55 tahun, mengikut mana yang dahulu; dan

(ii) dalam hal seseorang soldadu, 26 tahun,

atau sehingga suatu tempoh yang boleh dilanjutkan oleh pihak berkuasa yang layak.

(b) Mana-mana pegawai kadet atau soldadu yang diambil berkhidmat pada atau selepas 1hb Ogos 2011 hendaklah tamat menjalani tempoh perkhidmatan wajib bagi tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun sejurus selepas dia tamat menjalani latihan mandatori yang dalam tempoh tersebut anggota itu tidaklah berhak memohon untuk diberhentikan kerja atau memohon untuk meletakkan jawatannya sebagai pegawai bertauliah di bawah peraturan 18.

(c) Mana-mana anggota yang gagal mematuhi atau melanggar peraturan kecil 3(b) hendaklah dianggap telah melakukan suatu kesalahan di bawah bab 43A.

BAHAGIAN III

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN

Penggal I

Am

Standard kesihatan.

4. (1) Mana-mana orang yang memohon untuk menjadi pegawai bertauliahan atau menawarkan untuk diambil berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata adalah dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan untuk menilai standard kesihatannya.

(2) Mana-mana orang yang keadaan kesihatannya kurang dari standard yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak tidak boleh menjadi pegawai bertauliahan atau diambil berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata.

(3) Seseorang pegawai boleh dikehendaki bersara dan seseorang soldadu boleh diberhentikan kerja, jika pada bila-bila masa dalam tempoh perkhidmatannya, dia disahkan dalam keadaan kesihatan yang kurang dari standard yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak bagi pengekalan perkhidmatan pegawai atau soldadu.

Kehendak kemasukan.

5. Kehendak-kehendak kemasukan yang diperlukan daripada pemohon-pemohon untuk menjadi pegawai bertauliahan atau diambil berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata hendaklah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Standard tentera.

6. Setelah memenuhi standard kesihatan dan kehendak-kehendak kemasukan yang disebut dalam peraturan-peraturan 4 dan 5, pemohon-pemohon hendaklah menjalani penilaian sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pegawai merekrut.

Pangkat dalam Angkatan Bersenjata.

7. Pangkat-pangkat yang berikut hendaklah ada dalam Angkatan Bersenjata —

(a) Pegawai-Pegawai Bertauliahan —

Field Marshal;

Jeneral;

Leftenan Jeneral;

Mejar Jeneral;

Brigadier Jeneral;

Kolonel;

Leftenan Kolonel;

Mejar;

Kapten;

Leftenan;

Leftenan Muda;

(b) Pegawai-Pegawai Waran —

Pegawai Waran Kelas I;

Pegawai Waran Kelas II;

(c) Pegawai-Pegawai Tidak Bertauliah —

Pegawai Kadet;

Staf Sarjan;

Sarjan;

Koperal;

Lans Koperal;

(d) Prebet;

(e) Rekrut.

Kekananan.

8. (1) Kekananan seseorang pegawai hendaklah dikira dari tarikh lantikannya sebagai seorang pegawai kadet; kecuali jika mana-mana pegawai telah diberikan kekananan pada suatu tarikh yang awal, maka tarikh kekananannya hendaklah dikira dari tarikh yang diawalkan itu mengikut pihak berkuasa yang layak.

(2) Kekananan seseorang soldadu di antara mereka yang sama pangkat akan ditentukan menurut tarikh-tarikh mereka dinaikkan ke pangkat itu, kecuali jika diperuntukkan sebaliknya.

(3) Kekananan soldadu-soldadu yang dinaikkan pangkat pada tarikh yang sama akan ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak.

Keutamaan.

9. Seseorang pegawai atau soldadu hendaklah mendapat keutamaan menurut pangkat tetapnya dan kekananannya dalam pangkat itu.

Lantikan.

10. Lantikan-lantikan dan pangkat-pangkat yang bersesuaian dengannya dalam Angkatan Bersenjata hendaklah ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Kenaikan pangkat.

11. Seseorang anggota boleh dinaikkan pangkat di bawah syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

Tanggungan untuk berkhidmat di luar negeri.

12. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta itu atau sebarang undang-undang bertulis lain, mana-mana anggota hendaklah bertanggungan untuk berkhidmat di luar negeri.

Kursus latihan.

13. Mana-mana anggota boleh dikehendaki untuk menjalani kursus latihan, sama ada di Negara Brunei Darussalam atau tempat lain, sebagaimana yang mungkin dianggap perlu oleh pihak berkuasa yang layak.

Orang yang dibuang kerja atau diberhentikan kerja dengan hina tidak boleh menjadi pegawai bertauliah atau diambil berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata.

14. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang mengadakan peruntukan bagi perkhidmatan wajib dalam Angkatan Bersenjata, tiada seorang pun boleh menjadi pegawai bertauliah atau diambil berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata yang telah dibuang kerja dengan malu, dibuang kerja, diberhentikan kerja dengan malu atau diberhentikan kerja dengan hina, mengikut mana yang berkenaan, daripada Angkatan Bersenjata atau daripada mana-mana angkatan Komanwel.

Penggal II

Pegawai

Umur minimum untuk menjadi pegawai bertauliah.

15. Tiada seorang pun boleh menjadi pegawai bertauliah dalam Angkatan Bersenjata sehingga dia telah mencapai umur 18 tahun.

Kelulusan yang dikehendaki untuk menjadi pegawai bertauliah.

16. Kelulusan-kelulusan yang dikehendaki daripada seseorang yang memohon untuk menjadi pegawai bertauliah dalam Angkatan Bersenjata hendaklah ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak.

Jenis tauliah.

17. Jenis-jenis tauliah yang boleh dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 8(2) kepada orang sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Baginda adalah seperti berikut —

- (a) tauliah kehormat;
- (b) tauliah biasa;
- (c) tauliah khas.

Perletakan jawatan.

18. (1) Seseorang pegawai yang telah ditauliahkan sebelum 1hb Ogos 2011 boleh memohon untuk meletakkan jawatannya sebagai pegawai bertauliah di bawah syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

(2) Seseorang pegawai yang telah ditauliahkan pada atau selepas 1hb Ogos 2011 tidaklah berhak memohon untuk meletakkan jawatan dari perkhidmatannya pada bila-bila masa dalam tempoh perkhidmatan wajib yang dinyatakan dalam peraturan 3(3).

(3) Setelah tamat menjalani tempoh perkhidmatan wajib, seseorang pegawai berhak memohon untuk meletakkan jawatannya sebagai pegawai bertauliah dengan mengemukakan notis 18 bulan mengenai tujuannya untuk berbuat demikian kepada Pegawai Memerintahnya dan penerimaan notis itu tidak boleh dengan apa jua cara dianggap sebagai membayangkan penerimaannya. Seseorang pegawai yang telah memohon di bawah peraturan kecil ini hanya akan meletakkan jawatannya setelah diperkenankan oleh

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(4) Mana-mana permohonan yang dibuat hendaklah dipertimbangkan oleh Pemerintah yang akan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan:

Dengan syarat bahawa pertimbangan Pemerintah terhadap sesuatu permohonan itu tidak boleh dengan apa jua cara dianggap sebagai membayangkan penerimaannya.

Lanjutan tauliah.

19. Seseorang pegawai boleh memohon bagi lanjutan tauliah yang diberikan kepadanya menurut arahan yang akan dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Penggal III

Soldadu

Umur maksimum untuk diambil berkhidmat.

20. (1) Tiada seorang pun, kecuali seorang graduan atau seorang profesional, boleh diambil berkhidmat atau berkhidmat semula dalam Angkatan Bersenjata setelah dia mencapai umur 25 tahun melainkan jika pihak berkuasa yang layak menganggap adalah bagi kepentingan Angkatan Bersenjata untuk berbuat demikian.

(2) Jika seseorang yang dibenarkan untuk diambil berkhidmat atau berkhidmat semula setelah dia mencapai umur 25 tahun ada mempunyai apa-apa perkhidmatan yang dahulu dalam Angkatan Bersenjata yang diakui pada masa dia diambil berkhidmat atau berkhidmat semula dan telah disahkan, semua atau mana-mana bahagian perkhidmatannya yang dahulu itu boleh diambil kira bagi menaksir gaji, elaun, penceن atau ganjaran perkhidmatan menurut peruntukan-peruntukan Bahagian IV dan V, tetapi tidak akan diambil kira sebagai sebahagian dari perkhidmatannya pada masa itu.

(3) Dalam peraturan ini, "graduan" bermakna seseorang anggota yang memegang suatu ijazah atau kelulusan tinggi daripada sebuah universiti atau institusi pendidikan yang diiktiraf oleh pihak berkuasa yang layak.

Rekrut.

21. Seseorang yang diambil berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata menurut peruntukan-peruntukan Akta itu hendaklah, sehingga tamat menjalani sama ada tempoh 6 bulan perkhidmatan yang memuaskan dari tarikh dia masuk tentera

atau tempoh latihan mandatorinya, mengikut mana tempohnya yang panjang, dianggap sebagai seorang rekrut melainkan jika —

- (a) dia dibenarkan mengira mana-mana perkhidmatan yang dahulu dengan Angkatan Bersenjata bagi menaksir gaji, elaun, pencer atau ganjaran perkhidmatan; atau
- (b) dia diambil berkhidmat sebagai seorang pegawai kadet.

Perletakan jawatan.

22. (1) Seseorang soldadu yang telah diambil berkhidmat sebelum 1hb Ogos 2011 boleh memohon untuk meletakkan jawatan dari perkhidmatannya tertakluk kepada kehendak-kehendak sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

(2) Seseorang soldadu yang telah diambil berkhidmat pada atau selepas 1hb Ogos 2011 tidaklah berhak memohon untuk meletakkan jawatan dari perkhidmatannya pada bila-bila masa dalam tempoh perkhidmatan wajib yang dinyatakan dalam peraturan 3(3).

(3) Setelah tamat menjalani tempoh perkhidmatan wajib, seseorang soldadu boleh memohon untuk bersara dari perkhidmatannya dengan mengemukakan notis 18 bulan mengenai tujuannya untuk berbuat demikian kepada Pegawai Memerintahnya dan penerimaan notis itu tidak boleh dengan apa jua cara dianggap sebagai membayangkan penerimaannya. Seseorang soldadu yang telah memohon di bawah peraturan kecil ini hanya akan diberhentikan kerja setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

BAHAGIAN IV

GAJI DAN ELAUN

Penggal I

Am

Tuntutan kerajaan atau perkhidmatan.

23. (1) Pihak berkuasa yang layak boleh, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis, setelah menjalankan penyiasatan yang sewajarnya memerintahkan pemotongan gaji seseorang anggota Angkatan Bersenjata untuk membayar sebarang tuntutan kerajaan atau perkhidmatan yang mungkin ada terhadapnya.

[2] Dalam peraturan ini —

“tuntutan kerajaan” bermakna sebarang hutang kerajaan atau pemberian yang tidak sah termasuk sebarang pengeluaran lebih atau pembayaran pinjaman gaji yang dibuat kerana kesilapan fakta atau sebarang jumlah wang yang dikehendaki untuk dibayar bagi mengganti sebarang kerugian, kekurangan atau perbelanjaan wang kerajaan yang tidak mengikut aturan, catuan atau barang stor yang penjelasannya yang memuaskan tidak dapat diberikan kepada pihak berkuasa yang layak oleh anggota yang bertanggungjawab;

“tuntutan perkhidmatan” bermakna sebarang hutang yang kena dibayar kepada mana-mana organisasi sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak atau sebarang jumlah wang yang dikehendaki untuk dibayar bagi mengganti sebarang kerugian atau kekurangan apa-apa harta kepunyaan mana-mana organisasi tersebut yang penjelasannya yang memuaskan tidak dapat diberikan kepada pihak berkuasa yang layak oleh anggota yang bertanggungjawab.

Tempoh pelucutan gaji.

24. (1) Seseorang anggota tidak boleh dianggap sebagai tidak hadir tanpa cuti bagi maksud Peraturan-Peraturan ini melainkan jika ketidakhadirannya itu melebihi 6 jam berturut-turut.

(2) Bilangan hari dalam mana-mana tempoh tidak hadir tanpa cuti hendaklah dikira dari waktu tidak hadir itu bermula, 24 jam dikira sebagai satu hari, dan mana-mana tempoh tidak hadir kurang dari 24 jam dan lebih dari 6 jam juga dikira sebagai satu hari.

(3) (a) Jika seseorang anggota telah dipenjarakan atau pun selainnya ditahan atau dimasukkan ke hospital sebagaimana yang dinyatakan dalam bab 130(1)(b) dan (c) selama lebih dari 6 jam berturut-turut atau telah, oleh kerana dipenjarakan atau ditahan atau dimasukkan ke hospital, dihalang dari menjalankan sesuatu tugas yang dengan sebab itu terpaksa dijalankan oleh orang lain, maka anggota itu hendaklah, bagi maksud melucutkan gaji, dianggap telah dipenjarakan atau ditahan atau dimasukkan ke hospital selama satu hari.

(b) Jika seseorang anggota selepas itu terus dipenjarakan atau ditahan atau dimasukkan ke hospital, setiap tempoh 24 jam atau sebahagiannya akan berjumlah satu hari, tempoh tersebut dikira dari masa dia mula dipenjarakan atau mula ditahan atau mula dimasukkan ke hospital.

Menghentikan pembayaran gaji.

25. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Penggal V Bahagian ini, seseorang anggota tidaklah dibenarkan untuk berkhidmat terus dengan menerima gaji penuh setelah mencapai umur yang ditetapkan bagi persaraannya, melainkan jika dia berkhidmat terus menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang membenarkan perkhidmatannya dikekalkan dalam Angkatan Bersenjata.

(2) Seseorang anggota yang dibuang kerja atau diberhentikan kerja daripada Angkatan Bersenjata, atau yang tauliahnya dibatalkan, hendaklah dibayar gaji sehingga tarikh sebelum tarikh atau sehingga bermulanya tarikh dia dibuang kerja atau diberhentikan dari perkhidmatannya.

(3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Penggal V Bahagian ini, seseorang anggota yang bersara atau meletakkan jawatan dari perkhidmatannya tidak akan menerima gaji penuh mulai dari selepas tarikh dia bersara atau meletakkan jawatan dari perkhidmatannya.

Gaji teknikal.

26. Seseorang anggota yang memiliki kelulusan teknikal sebagaimana yang mungkin diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh diberikan gaji teknikal pada kadar sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Elaun kelulusan.

27. Seseorang anggota yang memiliki kelulusan sebagaimana yang mungkin diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh diberikan elaun kelulusan pada kadar sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Tidak bergaji atau berelaun bagi pangkat tempatan.

28. Seseorang anggota yang diberikan pangkat tempatan yang tinggi dari pangkat tetapnya tidaklah berhak mendapat apa-apa kenaikan gaji atau elaun dengan sebab pemberian pangkat tempatan itu sahaja; dan perkhidmatan dalam pangkat tempatan itu tidak akan dikira sebagai perkhidmatan dalam pangkat tinggi bagi maksud-maksud kenaikan gaji, elaun, gaji persaraan, ganjaran atau bagi sebarang tujuan lain apa pun.

Bayaran perumahan tidak dikenakan semasa duduk tinggal di mes.

29. (1) Seseorang pegawai atau pangkat kanan yang bujang, atau seseorang pegawai atau pangkat kanan yang sudah berkahwin yang tidak bersama isteri yang duduk tinggal di mes pegawai atau mes pangkat kanan Angkatan Bersenjata

tidaklah dikehendaki membayar bayaran perumahan berkaitan dengan tempat tinggal tersebut.

{2} Dalam peraturan ini, "pangkat kanan" bermakna seorang soldadu yang berpangkat sarjan ke atas.

Tidak boleh duduk tinggal di rumah persendirian tanpa kebenaran.

30. Tiada anggota boleh duduk tinggal di mana-mana rumah persendirian tanpa kebenaran pihak berkuasa yang layak.

Rumah kelamin.

31. {1} Seseorang anggota yang sudah berkahwin yang memenuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak adalah layak menduduki rumah kelamin tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

{2} Seseorang anggota yang dipaksa keluar dari rumah kelamin oleh sebab salah laku dirinya sendiri atau suami atau isterinya boleh dilucutkan keistimewaannya oleh pihak berkuasa yang layak dari menduduki lagi rumah kelamin.

{3} /a/ Jika suami atau isteri seseorang anggota di rumah kelamin mati atau berpisah dengan anggota itu disebabkan keuzuran yang berpanjangan atau tidak berada di rumah kelamin melebihi tempoh cuti yang dibenarkan dan dia tidak berada itu bukanlah disebabkan oleh keuzuran yang berpanjangan, maka anggota itu, jika dia tidak mempunyai anak, adalah dikehendaki mengosongkan rumah kelaminnya.

/b/ Jika anggota itu mempunyai anak, Pegawai Memerintah boleh atas budi bicaranya membenarkan anggota itu untuk tinggal terus di rumah kelamin.

{4} Hanya seorang isteri kepada seorang anggota sahaja yang berhak menduduki rumah kelamin.

{5} Seseorang anggota yang telah diberikan rumah kelamin kemudiannya gagal memenuhi apa-apa syarat berkenaan dengan rumah kelamin, dia adalah dikehendaki mengosongkan rumah kelamin dari tarikh dia gagal memenuhi syarat-syarat tersebut. Pihak berkuasa yang layak hendaklah mempunyai budi bicara sama ada membenarkan anggota itu untuk tinggal terus di rumah kelamin dalam hal keadaan tersebut.

Bayaran perumahan bagi rumah kelamin.

32. (1) Apabila rumah kelamin diberikan kepada seseorang anggota yang sudah berkahwin, bayaran perumahan (yang termasuk bayaran pemuliharaan, pembersihan dan perabot) sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak, boleh didapatkan balik dengan memotong gaji anggota itu.

(2) Jenis rumah yang diberikan kepada seseorang anggota hendaklah, jika boleh, mengikut skala tempat tinggal sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Bayaran elektrik.

33. Bayaran bagi bekalan elektrik kepada rumah kelamin seseorang anggota boleh didapatkan balik dari gaji anggota itu pada kadar-kadar yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Elaun tinggal di luar.

34. Seseorang anggota yang sudah berkahwin yang telah dibenarkan untuk tinggal di luar rumah kelamin boleh diberikan elau Tinggal di luar pada kadar dan di bawah syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Pakaian dan keperluan.

35. (1) Seseorang anggota hendaklah menerima pakaian dan keperluan yang dikeluarkan dengan percuma pada skala yang dibenarkan oleh pihak berkuasa yang layak.

(2) Kecuali dalam hal haus dan lusuh yang tidak berpatutan atau cuai, pakaian dan keperluan yang tidak boleh digunakan lagi hendaklah diganti atau diperbaiki atas perbelanjaan Kerajaan.

(3) Seseorang anggota yang diperintahkan untuk menghadiri kursus latihan di mana-mana negara atau wilayah yang memerlukan pemakaian pakaian panas hendaklah menerima pakaian panas yang dikeluarkan dengan percuma dan boleh diberikan elau Tinggal pada kadar-kadar dan di bawah syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Elaun seberang laut.

36. Seseorang anggota yang berkhidmat di luar negeri boleh diberikan elau Tinggal seberang laut pada kadar sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak bagi negara atau wilayah di mana dia berkhidmat.

Elaun keraian.

37. Seseorang anggota yang berpangkat mejar atau ke atas yang memerintah Angkatan Bersenjata atau mana-mana pasukannya boleh diberikan elauan keraian yang bersesuaian dengan pangkat dan lantikannya pada kadar sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Elaun penerbangan.

38. Seseorang anggota boleh diberikan elauan penerbangan pada kadar dan di bawah syarat-syaratnya sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Peruntukan gaji.

39. Pihak berkuasa yang layak boleh memerintahkan supaya suatu peruntukan dibuat dari gaji yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ini kepada seseorang anggota yang telah diisyiharkan dengan rasmi sebagai orang tawanan perang atau hilang, kepada atau untuk faedah mana-mana orang:

Dengan syarat bahawa —

(a) pihak berkuasa itu berpuas hati bahawa anggota itu akan mencarum kepada atau bagi menyara mana-mana orang itu jika dia bukan orang tawanan perang atau hilang;

(b) apa-apa peruntukan yang diperintahkan itu hendaklah, tertakluk kepada mana-mana peruntukan lain Peraturan-Peraturan ini berkenaan dengan peruntukan dari gaji anggota, dianggap seolah-olah peruntukan itu telah dibenarkan oleh anggota itu;

(c) apa-apa resit yang diberikan oleh orang yang kepadanya pembayaran telah dibuat adalah pelepasan yang mencukupi.

Panggilan berkhidmat semula dari Pasukan Simpanan.

40. (1) Apabila masuk semula berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata dari Pasukan Simpanan, seseorang anggota hendaklah dibayar gaji mengikut klasifikasi yang dipegang pada tarikh pemindahannya ke Pasukan Simpanan dan mengikut pangkat dia masuk semula berkhidmat itu.

(2) Anggota simpanan yang dipanggil menjalani latihan tahunan hendaklah dibayar gaji pada kadar sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Penyiaran.

41. Apa-apa hal keadaan yang menyentuh gaji dan elaun seseorang anggota yang dinyatakan sebagai catatan dalam Perintah Pasukan Bahagian II hendaklah disiarkan oleh Angkatan Bersenjata.

Elaun dan faedah lain.

42. Seseorang anggota boleh diberikan elaun dan faedah lain pada kadar dan di bawah syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Penggal II

Pegawai

Kadar gaji.

43. (1) Kadar-kadar gaji mengikut pangkat pegawai hendaklah ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Gaji seseorang pegawai hendaklah dikeluarkan pada tiap-tiap bulan secara tunggakan.

Tarikh mula berhak menerima gaji dan elaun.

44. Dengan tidak menghiraukan apa-apa juga yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan ini, jika seseorang pegawai yang ditauliahkan sebagai leutenant muda memulakan perkhidmatannya sedemikian pada suatu tarikh yang lewat dari tarikh yang dinyatakan dalam tauliahnya, dia hanya berhak menerima gaji dan elaunnya dari tarikh dia mula berkhidmat itu.

Tauliah kehormat.

45. Pegawai-pegawai yang memegang tauliah kehormat dalam Angkatan Bersenjata yang dikurniakan di bawah bab 8(7) tidaklah berhak menerima sebarang gaji atau emolumen lain yang dibenarkan dalam Peraturan-Peraturan ini.

Gaji apabila dilantik atau dinaikkan pangkat.

46. (1) Gaji bagi sesuatu jawatan atau pangkat yang lebih tinggi yang seseorang pegawai itu telah dinaikkan hendaklah dikeluarkan kepadanya dari tarikh kekosongan jawatan yang digantikannya atau pangkat yang dia telah dinaikkan atau dari tarikh dia mula memegang tugas-tugas jawatan itu, mengikut mana yang kemudian.

(2) Apabila seseorang pegawai dibuang kerja atau dipenjarakan dengan hukuman mahkamah tentera, maka kekosongan dalam perjawatan hendaklah diputuskan berlaku pada hari prosiding mahkamah tentera itu ditandatangani oleh yang di-pertua, tertakluk kepada pengesahan hukuman oleh pegawai pengesahan.

Pangkat pemangku.

47. (1) Jika pihak berkuasa yang layak memikirkannya perlu supaya seseorang pegawai memangku suatu jawatan di dalam suatu perjawatan, dan jawatan tersebut membawa pangkat yang lebih tinggi dari pangkat tetap pegawai itu, maka pegawai itu boleh diberikan oleh pihak berkuasa yang layak pangkat pemangku yang bersesuaian dengan jawatan itu, dan dia hendaklah menerima gaji dan elaun yang bersesuaian dengannya selagi dia memangku jawatan itu:

Dengan syarat bahawa dia hanya boleh diberikan pangkat pemangku yang lebih tinggi dan hendaklah dibayar emolumen yang bersesuaian dengannya sahaja jika dia memangku jawatan itu bagi tempoh 28 hari berturut-turut atau lebih dan tidak ada pegawai lain yang memegang pangkat pemangku atau menerima emolumen yang bersesuaian dengannya, pada masa yang sama.

(2) Tempoh seseorang pegawai itu memegang pangkat pemangku yang lebih tinggi atau menerima emolumen yang bersesuaian dengannya tidaklah dikira sebagai perkhidmatan dalam pangkat yang lebih tinggi bagi maksud-maksud kekananan dalam pangkat itu atau nilai hak mendapat kenaikan gaji atau elaun berkaitan dengannya.

(3) Jika seseorang pegawai itu telah diberikan pangkat pemangku menurut peraturan kecil (1), dia hendaklah terus dibayar emolumen yang bersesuaian dengannya, walaupun dia tidak hadir bertugas buat sementara oleh kerana sakit, menghadiri kursus latihan atau cuti yang dibenarkan melainkan jika ditetapkan selainnya oleh pihak berkuasa yang layak.

Elaun menjaga rumah.

48. Seseorang pegawai boleh diberikan elaun menjaga rumah pada kadar dan di bawah syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Penggal III

Pegawai kadet dan rekrut

Kadar gaji dan elaun bagi pegawai kadet dan rekrut.

49. (1) Kadar gaji dan elaun bagi seseorang pegawai kadet dan rekrut adalah pada kadar sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Gaji seseorang pegawai kadet dan rekrut hendaklah dikeluarkan pada tiap-tiap bulan secara tunggakan.

Penggal IV

Soldadu

Kadar gaji dan elaun bagi soldadu.

50. (1) Seseorang soldadu hendaklah menerima gaji mulai dari tarikh dia masuk tentera.

(2) Kadar gaji dan elaun bagi seseorang soldadu adalah pada kadar sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Gaji seseorang soldadu hendaklah dikeluarkan pada tiap-tiap bulan secara tunggakan.

Perkhidmatan yang diambil kira.

51. Perkhidmatan yang diambil kira adalah perkhidmatan yang diberikan sebagai seorang soldadu dalam perkhidmatan semasa, setelah mencapai umur 18 tahun, berserta dengan sebarang perkhidmatan dahulu yang diambil kira dengan Angkatan Bersenjata, kecuali bagi mana-mana tempoh yang tidak akan dimasukkan dalam perkhidmatan tersebut sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Tauliah khas.

52. Seseorang soldadu yang memegang tauliah khas dalam Angkatan Bersenjata yang dikurniakan di bawah bab 8(2) boleh diberikan kekanan pada tarikh yang awal bagi mengiktiraf perkhidmatannya yang dahulu dengan Angkatan Bersenjata atau bagi apa-apa kelulusan yang dipegangnya, dan juga boleh menerima kadar gaji yang akan ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Klasifikasi gaji.

53. Semua soldadu dan profesional di bawah pangkat sarjan hendaklah, kecuali mereka yang belum menamatkan tempoh perkhidmatan yang memuaskan selama 6 bulan, diklasifikasikan gaji mereka menurut syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Kadar gaji mengikut pekerjaan.

54. Kadar gaji mengikut pekerjaan sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah dibayar kepada seseorang soldadu yang telah lulus dalam ujian-ujian yang ditetapkan bagi soldadu-soldadu oleh pihak berkuasa yang layak tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang layak.

Pengambilan berkhidmat semula.

55. (1) Seseorang soldadu yang diambil berkhidmat semula hendaklah dibayar gaji pada kadar minimum bersesuaian dengan pangkatnya sementara menunggu pengesahan perkhidmatannya yang dahulu dan kelulusannya diiktiraf pada masa dia diambil berkhidmat semula.

(2) Apabila mana-mana perkhidmatannya yang dahulu atau kelulusannya diiktiraf dan disahkan, soldadu itu hendaklah menerima gaji dan elaun yang bersesuaian dengan kelulusannya dan jumlah tempoh perkhidmatannya yang diambil kira, mulai dari tarikh dia diambil berkhidmat semula.

Gaji apabila diturunkan ke pangkat asal atau diturunkan pangkat.

56. (1) Seseorang soldadu yang berpangkat sarjan atau ke atas yang diturunkan pangkatnya ke pangkat asal di bawah pangkat sarjan hendaklah diklasifikasikan gajinya bersesuaian dengan pangkat itu dari tarikh dia diturunkan pangkat atau diturunkan ke pangkat asal.

(2) Seseorang soldadu yang diturunkan pangkatnya kerana salah laku atau kurang cekap hendaklah diklasifikasikan semula bagi maksud-maksud gaji.

Gaji apabila dilantik atau dinaikkan pangkat.

57. (1) Gaji bagi sesuatu jawatan atau pangkat yang lebih tinggi yang seseorang soldadu itu telah dinaikkan hendaklah dikeluarkan kepadanya dari tarikh kekosongan jawatan yang digantikannya atau pangkat yang dia telah dinaikkan atau dari tarikh dia mula memegang tugas-tugas jawatan itu, mengikut mana yang kemudian.

(2) Apabila seorang soldadu diturunkan pangkatnya dengan hukuman mahkamah tentera, maka kekosongan dalam perjawatan hendaklah diputuskan

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

berlaku pada hari prosiding mahkamah tentera itu ditandatangani oleh yang di-pertua, tertakluk kepada pengesahan hukuman oleh pegawai pengesahan.

Pangkat pemangku.

58. (1) Pangkat pemangku bergaji boleh diberikan kepada seseorang soldadu yang ditugaskan memenuhi atau telah mengisi selama 28 hari berturut-turut atau lebih, suatu kekosongan dalam suatu perjawatan yang mempunyai pangkat yang lebih tinggi dari pangkat tetapnya.

(2) Pangkat pemangku bergaji hendaklah memberi hak kepada pemegangnya untuk menerima gaji dan elaun yang bersesuaian mulai dari tarikh lantikan.

(3) Seseorang soldadu yang memegang pangkat pemangku hendaklah diturunkan balik ke pangkat tetapnya apabila dia tidak lagi mengisi kekosongan dalam perjawatan pasukan yang baginya pangkat pemangku itu telah diberikan, melainkan jika pemegangan terus pangkat atau jawatan itu dibenarkan di bawah syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa yang layak.

Gaji apabila dibebaskan.

59. (1) Seseorang soldadu yang kemudiannya dibebaskan dari sebarang pertuduhan hendaklah menerima gaji penuh dari tarikh dia mula-mula dikurung berkaitan dengan sabitannya itu.

(2) Seseorang soldadu yang perbicaraannya tidak diperlukan lagi atas pengakuan salahnya yang bertandatangan bahawa dia telah bersalah kerana meninggalkan tugas atau diambil berkhidmat secara fraud boleh dilucutkan, dan dipotong, gajinya sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Gaji di bawah hukuman diberhentikan kerja.

60. Seseorang soldadu yang dihantar pulang dari luar negeri di bawah hukuman penjara atau tahanan dan akan diberhentikan kerja di Negara Brunei Darussalam, tidak akan menerima gaji sama ada ketika menunggu untuk berlepas atau semasa pelayaran, walaupun dia tidak dikurung ketat:

Dengan syarat bahawa jika tempoh hukuman penjara atau tahanan yang dia telah dijatuhkan itu tamat tempohnya sebelum dia tiba di Negara Brunei Darussalam, maka dia berhak menerima gaji penuh dari tarikh tamat tempoh tersebut.

Penggal V

Gaji semasa tidak hadir bertugas kerana sakit, luka atau cedera

Gaji penuh kerana tidak hadir bertugas buat sementara tidak melebihi 18 bulan.

61. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak, seseorang anggota berhak menerima gaji dan elaunnya bagi mana-mana tempoh dia tidak hadir bertugas buat sementara kerana sakit yang disahkan oleh seorang pegawai perubatan sehingga memuaskan hati pihak berkuasa yang layak.

(2) Seseorang anggota berhak menerima gaji dan elaunnya semasa dia bercuti sakit yang diberikan atas sokongan lembaga perubatan dengan tujuan dia akhirnya kembali bertugas:

Dengan syarat bahawa gaji dan elaun tidak boleh dikeluarkan bagi mana-mana tempoh cuti sakit yang diberikan melebihi 18 bulan tertakluk kepada sokongan pihak berkuasa yang layak.

(3) Bagi maksud mengira tempoh 18 bulan yang disebut dalam peraturan kecil (2) —

(a) tempoh-tempoh tidak hadir disebabkan oleh keuzuran yang sama;

(b) tempoh-tempoh tidak hadir yang dijarakkan oleh tempoh bertugas yang berterusan yang lamanya kurang dari 6 bulan; dan

(c) tempoh-tempoh tidak hadir disebabkan oleh keuzuran lain yang tidak dijarakkan oleh mana-mana lamanya tempoh bertugas,

hendaklah dijumlahkan.

Anggota yang tidak layak bertugas hendaklah dibersarakan, diberhentikan kerja atau dipindahkan.

62. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan 63, seseorang anggota yang tidak layak bertugas tidak boleh diambil berkhidmat terus dalam Angkatan Bersenjata selepas tarikh penamatan tauliah atau perkhidmatannya, mengikut mana yang berkenaan, tetapi hendaklah dibersarakan atau diberhentikan kerja daripada Angkatan Bersenjata, atau dipindah ke Pasukan Simpanan seperti biasanya.

(2) Jika tidak lewat dari 5 bulan sebelum penamatan tauliah atau perkhidmatannya, mengikut mana yang berkenaan, seseorang anggota jatuh sakit atau mendapat cedera yang menyebabkannya tidak dapat hadir untuk bertugas sehingga sehari sebelum dia sepatutnya memulakan cuti sebelum bersara atau

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

berhenti kerja, maka dia hendaklah dibersarkan atau diberhentikan kerja daripada Angkatan Bersenjata, atau dipindahkan ke Pasukan Simpanan seperti biasanya.

(3) Jika seseorang anggota yang masih mempunyai tempoh yang agak lama juga untuk berkhidmat diisyiharkan oleh lembaga perubatan sebagai tidak layak menjalankan perkhidmatan tentera seterusnya disebabkan oleh sesuatu keuzuran, maka dia boleh diberhentikan kerja dengan serta-merta daripada Angkatan Bersenjata.

Rawatan hospital.

63. (1) Jika seseorang anggota yang sedang menerima rawatan hospital pesakit dalam terus berkehendakkan rawatan itu pada tarikh dia biasanya akan menamatkan perkhidmatannya, maka dia hendaklah diambil berkhidmat terus dengan gaji penuh sehingga keputusan lembaga perubatan diketahui.

(2) Bagi maksud-maksud peraturan kecil (1), lembaga perubatan itu hendaklah diadakan sama ada apabila rawatan hospital pesakit dalam itu tidak lagi dikehendaki atau setelah 5 bulan berlalu dari tarikh apabila anggota itu mulamula tidak hadir bertugas, mengikut mana yang awal.

Penggantungan sementara perkhidmatan.

64. (1) Jika pada sebarang peringkat lembaga perubatan berpendapat bahawa tidak ada harapan yang munasabah bagi seseorang anggota akan menjadi layak untuk bertugas dalam tempoh 18 bulan, suatu tindakan boleh diambil dengan serta-merta untuk menggantung sementara perkhidmatannya; dan dia boleh diberhentikan kerja daripada Angkatan Bersenjata.

(2) Jika seseorang anggota sedang menjalani rawatan hospital pesakit dalam, perkhidmatannya tidak boleh digantung di bawah peraturan kecil (1) daripada Angkatan Bersenjata sehingga pendapat lembaga perubatan setelah anggota itu tidak hadir bertugas selama 5 bulan diperolehi.

(3) Jika bertentangan dengan jangkaan awal seseorang anggota yang telah diambil berkhidmat terus dalam Angkatan Bersenjata di bawah peraturan 61 tidak mungkin layak bertugas apabila tamat tempoh 18 bulan, tindakan boleh diambil untuk menggantung sementara perkhidmatannya; dan dia boleh diberhentikan kerja daripada Angkatan Bersenjata.

Pengambilan berkhidmat semula anggota yang telah diberhentikan kerja atau digantung sementara dari perkhidmatan.

65. Pihak berkuasa yang layak boleh membenarkan pengambilan berkhidmat semula seseorang anggota yang telah diberhentikan kerja daripada Angkatan

Bersenjata di bawah peraturan-peraturan 62 dan 64 jika anggota itu kemudiannya menjadi layak untuk bertugas dan perkhidmatannya dikehendaki.

Penggal VI

Kenderaan dengan perbelanjaan Kerajaan, elaun perjalanan dan sara hidup

Perjalanan untuk bertugas.

66. Seseorang anggota berhak menggunakan kenderaan dengan perbelanjaan Kerajaan semasa berjalan melakukan tugas tentera.

Bila belanja perjalanan dibayar.

67. (1) Belanja perjalanan hendaklah dibayar kepada seseorang anggota untuk perbelanjaannya semasa berjalan untuk bertugas.

(2) Belanja perjalanan tidak boleh dibayar kepada seseorang anggota apabila —

(a) pasukan tentera berpindah untuk bertukar tempat;

(b) pasukan tentera sedang membuat operasi, latihan atau menjalankan gerakan tentera; atau

(c) seseorang anggota ditempatkan sementara dalam pasukan yang lain dari pasukannya sendiri.

Elaun sara hidup.

68. Seseorang anggota semasa sedang bertugas di luar negeri adalah layak mendapat elaun sara hidup pada kadar yang akan ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Kadar elaun perjalanan.

69. Kadar elaun perjalanan bagi seseorang anggota adalah pada kadar sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Tuntutan elaun.

70. Tuntutan elaun hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Memerintah atau orang yang dinamakannya.

Elaun sara hidup bagi keluarga.

71. Elaun sara hidup boleh dibayar apabila suami atau isteri dan anak-anak kepada seseorang anggota layak menggunakan kenderaan dengan perbelanjaan Kerajaan dan terpaksa menguruskan makanan dan tempat tinggal mereka sendiri, pada kadar sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Arahan.

72. Pihak berkuasa yang layak boleh mengeluarkan arahan terperinci berkenaan dengan hal keadaan bagaimana elaun-elaun yang dibenarkan oleh Penggal ini boleh dituntut.

Perjalanan cuti.

73. (1) (a) Seseorang anggota yang membuat perjalanan dengan mengambil cuti tahunan di dalam Negara Brunei Darussalam berhak menggunakan kenderaan dengan perbelanjaan Kerajaan ke dan dari stesen atau tempatnya bertugas dua kali setahun bagi dirinya, suami atau isterinya dan anak-anaknya.

(b) Seseorang anggota yang bercuti sakit yang diberikan atas sokongan lembaga perubatan atau dalam hal seseorang soldadu, bercuti setelah menamatkan latihan atau mengambil cuti yang diberikan setelah melanjutkan perkhidmatan, berhak menggunakan kenderaan dengan perbelanjaan Kerajaan ke dan dari stesen atau tempatnya bertugas bagi dirinya, suami atau isterinya dan anak-anaknya:

Dengan syarat bahawa suami atau isteri atau anak-anak kepada anggota itu menduduki rumah kelamin atau tinggal di rumah persendirian di stesen atau tempatnya bertugas.

(c) Jumlah jarak perjalanan dalam mana-mana satu tahun yang boleh dibayar di bawah peraturan kecil ini oleh Kerajaan tidaklah boleh melebihi had yang ditetapkan berkaitan dengan perjalanan itu oleh pihak berkuasa yang layak.

(2) (a) Seseorang anggota yang menjadi pemastautin yang bertugas buat sementara di sebuah negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam berhak menggunakan kenderaan dengan perbelanjaan Kerajaan di dalam negara atau wilayah itu ke dan dari stesen atau tempatnya bertugas menurut peruntukan-peruntukan peraturan kecil (1).

(b) Jumlah jarak perjalanan pergi dan balik yang boleh dibayar oleh Kerajaan tidaklah boleh melebihi had yang ditetapkan berkaitan dengan negara atau wilayah itu oleh pihak berkuasa yang layak.

Bertukar stesen.

74. (1) Apabila bertukar stesen atau tempat bertugas, suami atau isteri, anak-anak dan bagasi seseorang anggota yang menduduki rumah kelamin atau tinggal di rumah persendirian di stesen atau tempatnya bertugas boleh dipindahkan dengan perbelanjaan Kerajaan ke stesen atau tempat bertugas yang baharu jika rumah kelamin atau rumah persendirian yang sesuai tersedia ada untuk mereka di tempat itu.

(2) Apabila rumah kelamin atau rumah persendirian yang sesuai tidak tersedia ada di stesen atau tempat bertugas itu, suami atau isteri dan anak-anak kepada seseorang anggota yang tinggal bersamanya di stesen atau tempat bertugasnya yang lama boleh dipindahkan dengan perbelanjaan Kerajaan ke sebuah tempat tinggal yang dipilih di Negara Brunei Darussalam.

(3) Jika rumah kelamin atau rumah persendirian yang sesuai kemudiannya menjadi tersedia ada di stesen atau tempat bertugas yang baharu, suami atau isteri dan anak-anak serta bagasinya boleh dipindahkan ke tempat itu dengan perbelanjaan Kerajaan.

(4) Jika suami atau isteri dan anak-anak kepada seseorang anggota yang dikehendaki mengosongkan rumah kelamin atau rumah persendirian di sebuah stesen atau tempat bertugas oleh kerana anggota itu tidak hadir tanpa cuti atau telah dijatuhi suatu tempoh hukuman penjara, maka mereka tidaklah berhak menggunakan kenderaan dengan perbelanjaan Kerajaan sama ada bagi diri mereka sendiri atau bagi bagasi mereka.

Kematian suami atau isteri anggota.

75. (1) Seseorang anggota yang suami atau isterinya mati semasa dia tinggal bersamanya di rumah kelamin atau di rumah persendirian di stesen atau tempatnya bertugas, berhak membuat pengurusan bagi anak-anak dan bagasinya dipindahkan dengan perbelanjaan Kerajaan ke rumahnya atau rumah penjaga anak-anaknya yang dilantik olehnya dan dia boleh, atas budi bicara pihak berkuasa yang layak, dibenarkan mengiringi anak-anaknya dan kembali ke stesen atau tempatnya bertugas dengan perbelanjaan Kerajaan.

(2) Dalam peraturan ini, "penjaga", berkenaan dengan seorang anak, bermakna mana-mana orang selain daripada ibu bapa sebenar anak itu yang mempunyai jagaan di sisi undang-undang ke atas anak itu.

Kematian anggota.

76. (1) Suami atau isteri, kepada seseorang anggota yang mati ketika berkhidmat semasa tinggal bersamanya di rumah kelamin atau rumah persendirian di stesen atau tempatnya bertugas, hendaklah dipindahkan bersama-

sama dengan anak-anak dan bagasinya dengan perbelanjaan Kerajaan ke sebuah tempat tinggal yang dipilih.

(2) Jika seseorang anggota mati dan suami atau isterinya tidak tinggal bersama anggota itu di stesen atau tempatnya bertugas, maka suami atau isteri kepada anggota itu boleh dihantarkan dengan perbelanjaan Kerajaan ke dan dari tempat pengebumian itu berlangsung.

(3) Jika seseorang anggota yang belum berkahwin mati, tidak lebih daripada dua orang saudaranya boleh dihantarkan dengan perbelanjaan Kerajaan ke dan dari tempat pengebumian itu berlangsung.

Anggota sakit kuat.

77. (1) Jika seseorang anggota disahkan sedang sakit kuat, tidak lebih daripada dua orang saudaranya boleh dihantarkan dengan perbelanjaan Kerajaan ke dan dari hospital atau tempat lain di mana anggota itu berada.

(2) Penghantaran saudara yang dibenarkan oleh peraturan kecil (1) boleh diulang pada setiap 2 minggu jika anggota itu masih disahkan sedang sakit kuat bagi tempoh yang berpanjangan.

(3) Jika kematian seseorang anggota itu ternyata tidak dapat dilakukan lagi, selangan waktu yang dikenakan oleh perenggan kecil (2) boleh dikurangkan oleh pihak berkuasa yang layak atau oleh pegawai perubatan yang bertanggungjawab bagi kes tersebut.

Anggota sakit di hospital bagi tempoh yang berpanjangan.

78. Jika, oleh kerana sakit atau cedera, seseorang anggota telah ditahan berterusan di sebuah hospital, sanatorium atau bangunan yang seumpamanya di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam —

(a) bagi tempoh 6 bulan atau lebih; atau

(b) jika, pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh 6 bulan dari tarikh dia dimasukkan ke hospital, sanatorium atau bangunan yang seumpamanya itu, pihak berkuasa perubatan yang berkenaan mengesahkan bahawa penahanan seseorang anggota dalam hal keadaan tersebut mungkin berjalan bagi tempoh tidak kurang dari 6 bulan berturut-turut,

maka tidak lebih daripada dua orang saudara kepada anggota itu boleh dihantarkan dengan perbelanjaan Kerajaan ke dan dari hospital, sanatorium atau bangunan yang seumpamanya itu sekali dalam setiap 6 bulan bagi maksud menziarahi anggota itu.

Menghadiri istiadat pengurniaan.

79. (1) Apabila seseorang anggota yang tinggal di Negara Brunei Darussalam dipanggil untuk menghadiri istiadat untuk menerima pengurniaan, dia hendaklah dihantarkan ke dan dari tempat istiadat pengurniaan itu dengan perbelanjaan Kerajaan.

(2) Jika pengurniaan anumerta dibuat, suami atau isteri yang masih hidup atau seorang saudara hendaklah dihantarkan ke dan dari tempat istiadat pengurniaan dengan perbelanjaan Kerajaan untuk menerima pengurniaan itu:

Dengan syarat bahawa jika anggota itu meninggalkan suami atau isteri yang masih hidup, maka suami atau isteri yang masih hidup sahaja berhak kepada penghantaran tersebut.

(3) Bagi maksud-maksud peraturan kecil (1) dan (2), dua orang saudara kepada penerima pengurniaan itu boleh, jika penerima pengurniaan itu sendiri berhasrat sedemikian dan jika mereka tinggal di Negara Brunei Darussalam pada masa itu, dihantarkan ke dan dari tempat istiadat pengurniaan itu dengan perbelanjaan Kerajaan.

Penamatan perkhidmatan.

80. Seseorang anggota apabila perkhidmatannya atau perjanjian berkhidmatnya ditamatkan atau dipindahkan ke Pasukan Simpanan berhak dihantarkan dengan perbelanjaan Kerajaan bagi dirinya, suami atau isterinya dan anak-anak yang tinggal bersamanya pada masa itu, dan bagasinya, ke rumahnya atau ke suatu tempat tinggal yang dipilih di Negara Brunei Darussalam melainkan jika perkhidmatannya atau perjanjian berkhidmatnya telah ditamatkan kerana salah laku atau dengan hukuman mahkamah tentera.

Anggota simpanan.

81. (1) Seseorang pegawai Pasukan Simpanan, seseorang anggota tentera simpanan atau seseorang pesara tentera yang dipanggil balik untuk berkhidmat semula atau dipanggil ke lembaga perubatan hendaklah dihantarkan dengan perbelanjaan Kerajaan dari rumahnya ke tempat melapor dan balik semula.

(2) Seseorang pegawai atau seseorang soldado Pasukan Simpanan yang bersukarela dan diterima berkhidmat semula tidak akan dihantarkan dengan perbelanjaan Kerajaan ke tempat di mana dia diarahkan melaporkan dirinya untuk bertugas.

Rawatan hospital.

82. Seseorang anggota dan mana-mana ahli keluarganya yang tinggal bersamanya di stesen atau tempatnya bertugas sama ada di rumah kelamin atau

rumah persendirian, hendaklah dihantarkan dengan perbelanjaan Kerajaan ke dan dari hospital jika mereka berhak mendapatkan rawatan hospital, yang kos rawatan itu boleh dikenakan sepenuhnya atau sebahagiannya kepada Kerajaan.

Peperiksaan.

83. Seseorang anggota yang menghadiri peperiksaan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa yang layak hendaklah dihantarkan ke dan dari tempat peperiksaan itu dengan perbelanjaan Kerajaan dan berhak menerima elaun perjalanan sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Pengebumian.

84. Seseorang anggota yang diperintahkan untuk menghadiri pengebumian boleh dihantarkan ke dan dari tempat pengebumian dengan perbelanjaan Kerajaan dan berhak menerima elaun perjalanan dan elaun sara hidup sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Mahkamah tentera.

85. Seseorang anggota yang menghadiri mahkamah tentera, mahkamah siasatan atau untuk mengambil ringkasan atau cabutan keterangan sebagai seorang saksi hendaklah dihantarkan dengan perbelanjaan Kerajaan dan berhak menerima elaun perjalanan dan elaun sara hidup sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Menghadiri mahkamah sivil dan jenayah.

86. (1) Jika seseorang anggota menghadiri mahkamah sivil atau jenayah sebagai seorang saksi mengenai perkara-perkara yang berhubung dengannya atas sifat rasminya, dia berhak menggunakan kenderaan dengan perbelanjaan Kerajaan dan menerima elaun perjalanan dan elaun sara hidup sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

(2) Jika seseorang pegawai menghadiri mahkamah jenayah apabila mana-mana soldadu dituduh telah melakukan suatu kesalahan, maka dia berhak menggunakan kenderaan dengan perbelanjaan Kerajaan dan menerima elaun perjalanan dan elaun sara hidup sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

(3) Jika seseorang anggota, dalam masa atau selepas perkhidmatannya, menjadi suatu pihak kepada suatu tindakan dalam mahkamah sivil atau jenayah dan diwakili dalam mahkamah tersebut oleh peguam yang disediakan dengan perbelanjaan Kerajaan, maka dia dan mana-mana saksi yang dipanggil oleh Kerajaan berhak menggunakan kenderaan dengan perbelanjaan Kerajaan, dan menerima elaun perjalanan dan elaun sara hidup sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan kecil (1), (2) dan (3), seseorang anggota yang menghadiri mahkamah sivil atau jenayah atas apa-apa sifatnya yang lain tidaklah berhak menggunakan kenderaan dengan perbelanjaan Kerajaan atau menerima elaun perjalanan dan elaun sara hidup.

(5) Semua bayaran mahkamah, kos guaman dan elaun dalam kes-kes yang diliputi dalam peraturan ini hendaklah dibayar balik kepada Kerajaan.

Majlis sosial.

87. Seseorang anggota yang menghadiri majlis sosial persendirian tidaklah berhak menerima elaun perjalanan dan elaun sara hidup atau menggunakan kenderaan dengan perbelanjaan Kerajaan.

Skala bagasi yang dihantar dengan perbelanjaan Kerajaan.

88. Berat, ukuran dan muatan padu bagasi yang boleh dihantar dengan perbelanjaan Kerajaan di bawah Penggal ini adalah pada kadar sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

Kelas perjalanan.

89. (1) Kelas perjalanan yang kepadanya seseorang pegawai, pegawai kadet dan soldadu berhak apabila membuat perjalanan melalui udara, laut atau kereta api hendaklah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

(2) Jika suami atau isteri, anak atau saudara lain kepada seseorang pegawai, pegawai kadet atau soldadu berhak menggunakan kenderaan dengan perbelanjaan Kerajaan di bawah Penggal ini, maka mereka berhak mendapat kelas perjalanan yang sama seperti pegawai, pegawai kadet atau soldadu itu.

Penggal VII

Catuan dan elaun catuan

Hak menerima catuan dan elaun catuan.

90. Seseorang pegawai, pegawai kadet atau soldadu Angkatan Bersenjata berhak menerima catuan percuma atau elaun sebagai ganti catuan tersebut bagi setiap hari dia berhak menerima gaji penuh tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa yang layak.

Hal keadaan bagaimana elaun catuan boleh dikeluarkan.

91. Elaun catuan sebagai ganti catuan hendaklah dikeluarkan kepada seseorang pegawai, pegawai kadet atau soldadu yang menerima gaji penuh apabila —

(a) dia bercuti bagi mana-mana tempoh melebihi 24 jam;

(b) dengan kebenaran Pegawai Memerintah, dia tinggal bersama keluarganya di atau berdekatan dengan stesennya sama ada di rumah kelamin atau di rumah persendirian;

(c) dia menerima elaun sara hidup di bawah peraturan 68 atau elaun perjalanan di bawah peraturan 69;

(d) dia dibenarkan tidak hadir dari tugas biasanya atau diambil bekerja kecuali dengan Angkatan Bersenjata:

Dengan syarat bahawa dia tidak ditanggung makan dengan perbelanjaan Kerajaan semasa dia tidak hadir atau diambil bekerja itu; atau

(e) apabila Pegawai Memerintah mengesahkan bahawa atas sebab perubatan atau sebab lain maka adalah perlu baginya tidak makan bersama-sama di dalam mes.

Kadar dan tempoh pengeluaran elaun catuan.

92. (1) Elaun catuan boleh dibayar pada kadar atau kadar-kadar harian yang akan ditetapkan oleh pihak berkuasa yang layak.

(2) Elaun catuan boleh dibayar bagi tempoh genap 24 jam yang bermula pada tengah malam.

Hal keadaan bagaimana elaun catuan tidak boleh dibayar.

93. Elaun catuan tidak boleh dibayar —

(a) bagi tempoh tidak hadir tanpa cuti;

(b) apabila seseorang anggota ditanggung makan dengan perbelanjaan Kerajaan di hospital tentera atau awam, atau penjara tentera atau awam; atau

(c) bagi tempoh yang dihabiskan dengan membuat perjalanan melalui laut, udara atau kereta api apabila semua makanan disediakan dengan perbelanjaan Kerajaan.

Elaun catuan di seberang laut.

94. Pegawai-pegawai atau soldadu-soldadu yang sedang berkhidmat di seberang laut berhak menerima elaun catuan dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam peraturan 91 pada kadar atau kadar-kadar sebagaimana yang mungkin ditetapkan

oleh pihak berkuasa yang layak, bagi negara atau wilayah di mana mereka itu sedang berkhidmat.

BAHAGIAN V

PERKECUALIAN

Tuntutan terhadap faedah tidaklah sebagai hak jika peraturan-peraturan ini dipinda atau dimansuhkan.

95. Kecuali jika peruntukan yang berlawanan dibuat atau boleh dibuat dengan nyata selepas ini dalam sebarang undang-undang bertulis, tiada seorang pun berhak menuntut sebagai haknya sebarang kenaikan pangkat, emolumen atau faedah lain yang diberikan oleh mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini sekiranya peruntukan itu pada bila-bila masa dipinda atau dimansuhkan.

BAHAGIAN VI

PEMBERHENTIAN KERJA DENGAN MENEBUS

Pemberhentian kerja dengan menebus.

96. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh mengeluarkan arahan yang menyatakan hal keadaan bagaimana dan syarat-syarat yang di bawahnya seseorang rekrut atau pegawai kadet boleh dibenarkan untuk menebus pemberhentiannya di bawah bab 19.

BAHAGIAN VII

AM

Arahan pentadbiran.

97. Pihak berkuasa yang layak boleh membuat arahan pentadbiran yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Akta itu atau mana-mana peraturan, aturan atau Perintah Am yang dibuat di bawahnya sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu atau mustahak bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

Pemansuhan S 121/1964.

98. Peraturan-Peraturan Askar Melayu Brunei, 1964 adalah dimansuhkan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 10 haribulan Disember, 2013 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**